

## **Seramai 10,000 Disasar Sertai Kayuhan Patriotik 1Malaysia @putrajaya**

**Bernama**

**29 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Seramai 10,000 orang disasar menyertai program Kayuhan Patriotik 1Malaysia @Putrajaya pada Rabu depan (3 April).

Menurut kenyataan Unit Komunikasi Korporat Kementerian Belia dan Sukan program itu dijadual disertai Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku pencetus idea, serta menteri-menteri Kabinet.

Penganjuran program yang berkonsepkan 1Malaysia itu terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan antara lain bertujuan memberi peluang kepada perdana menteri untuk lebih mendekati rakyat di samping menggalakkan gaya hidup sihat.

"Selain itu ia bertujuan menjadikan Putrajaya pusat kegiatan aktiviti sukan dan kecergasan yang mesra belia di samping memberi peluang kepada peserta menikmati keindahan Putrajaya," menurut kenyataan itu.

Program Kayuhan Patriotik itu melibatkan jarak sejauh 12 kilometer bermula dari hadapan Kementerian Kewangan, Presint 2 dan berakhir di hadapan Istana Kehakiman, manakala bagi pengayuh tegar mereka akan berkayuh sejauh 20km untuk mengelilingi Putrajaya.

Program itu dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, Yayasan Rakyat 1Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta Polis Diraja Malaysia.

Pendaftaran dibuka mulai hari ini dan mereka yang berminat boleh menghubungi 03-88713172/03-88713000 atau melayari [www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my) atau FB Fanpage KBSMalaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=938298>